



CHE RANI/CHE DIN | BERITA HARIAN

**MAXIMUS melepaskan Ekspedisi Pelayaran Saintifik Perdana di Pusat Hidrografi Nasional, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, semalam.**

# 54 buat kaji selidik marin di samudera

## Ekspedisi guna kapal TLDM

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

[nazuri@bharian.com.my](mailto:nazuri@bharian.com.my)

**P**ELABUHAN KLANG: Seramai 54 penyelidik dan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) tempatan menyertai Ekspedisi Pelayaran Saintifik Perdana 2009 (EPSP) selama 52 hari menggunakan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Perantau, yang bermula semalam.

EPSP yang julung kali diadakan dalam sejarah maritim negara membabitkan penyelidikan marin di Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi, disertai tujuh agensi kerajaan dan lapan IPT.

Ia bertujuan mengkaji serta mengumpul data saintifik dalam empat bidang utama samudera, iaitu fizikal, kimia, biologi dan geologikal di kawasan yang dikaji.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili, berkata datanya akan digunakan untuk mempertingkatkan penyelidikan bidang samudera dan sains marin pada masa depan.

Katanya, maklumat itu akan ditafsir bagi menentukan dan menganal pasti sumber marin, taburan flora dan fauna marin, arus, cuaca dan batuan.

"Hasil penyelidikan ini akan digunakan untuk meningkatkan produktiviti negara dan memberi maklumat kepada kerajaan untuk perancangan K-ekonomi," kata-

nya ketika melancarkan EPSP, di Pusat Hidrografi Nasional di Pulau Indah, di sini semalam.

Hadir sama, Laksamana Panglima TLDM, Tan Sri Abdul Aziz Jaafar. Ekspedisi pertama kali dikendalikan sepenuhnya rakyat tempatan itu dibahagikan kepada empat siri pelayaran dengan siri pertama bermula dari Pelabuhan Klang ke Labuan, Kota Kinabalu-Pulau Layang-Layang, Kota Kinabalu-Tawau dan Tawau-Pelabuhan Klang.

Lapan IPT terbabit ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Industri Selangor (Unisel), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Maximus berkata, antara topik yang dikaji penyelidik dan pelajar ialah Profil Persekitaran Perairan Laut Sulu-Sulawesi, kajian keberkesanan isyarat satelit GPS, kepelbagai hidupan fauna marin, mineralogi dan penyelidikan geologikal serta biologikal.

Pada sidang akhbar selepas itu, Maximus berkata, hasil kajian akan dijadikan panduan untuk merangka Dasar Laut Negara yang dijangka dibentang ke Kabinet, akhir tahun ini.